

**Penglibatan Belia dalam Fenomena Mat Rempit:
Implikasi Terhadap Praktis Pembangunan Belia Malaysia**

MOHD MURSYID ARSHAD, ISMI ARIF ISMAIL, TURIMAN
SUANDI & STEVEN ERIC KRAUSS

ABSTRAK

Kertas ini menerokai punca berlakunya fenomena rempit dalam kalangan belia dengan menjawab beberapa persoalan berkaitan iaitu; 1) Siapakah belia 'rempit' dan 2) Apakah faktor penolak mengapa belia merempit? Persoalan tentang fenomena ini kemudiannya dikaitkan dengan implikasi praktis kepada pembangunan belia Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kajian kes fenomenologi, penerokaan empirikal ini menganalisis fenomena Rempit bagi mentransformasikannya kepada satu peluang dalam praktis pembangunan belia.

Kata Kunci: *Belia 'Rempit', Sub-Budaya Belia, Pembangunan Belia, Pembangunan Identiti Individu, Identiti melalui Keluarga, Perspektif Masyarakat*

ABSTRACT

This article explores the 'rempit' phenomenon by answering a number of questions namely: 1) Who are the 'rempit' youth? and 2) What are the push factors on why youth are involved in 'rempit'? Questions related to this phenomenon are then discussed in the implication for practice in Malaysian youth development. By using the phenomenological case study, this empirical exploration analyses 'rempit' phenomenon so as to transform it into an opportunity for youth development practice.

Keywords: *'Rempit' Youth, Youth Sub-Culture, Youth Development, Individual Identity Development, Identity throughout Family, Community Perspective*

PENGENALAN

Harapan yang disandarkan oleh masyarakat kepada belia Malaysia adalah belia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi kemantapan rohani, akhlak dan jasmani, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik. Belia merupakan penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Wawasan 2020 seperti yang digariskan dalam Dasar Pembangunan Negara (Azimi et al., 2002). Walau bagaimanapun, dalam merencanakan usaha untuk melahirkan belia seperti yang diharapkan negara, terdapat segelintir golongan belia yang telah terdedah kepada gejala sosial dan aktiviti yang tidak berfaedah, terutamanya aktiviti lumba haram dalam kalangan belia yang semakin sukar dibendung malah ia turut semakin menular dan mendatangkan kebencian awam seperti kes yang melibatkan Mat Rempit yang menyerang dan mencederakan anggota penguatkuasa semasa membanteras kegiatan mereka (Berita Harian, 11 Mei 2009). Selain itu, segelintir remaja yang terlibat dengan lumba haram sanggup mencuri motosikal bagi tujuan perlumbaan setelah diubahsuai dan untuk mendapatkan alat ganti (Sharifah et al., 2010) dan juga turut dikaitkan dengan menyamun orang awam (The Star, 27 Januari 2009).

Fenomena Rempit sebenarnya adalah manifestasi evolusi perlumbaan motosikal haram yang telah wujud di Malaysia semenjak tahun 1970-an lagi (Ismi et al., 2009). Kegiatan belia bermotosikal yang lebih sinonim dengan aktiviti lumba haram atau 'merempit' telah menjadi salah satu tumpuan utama belia berisiko di Malaysia (Samsudin, 2007). Ini juga merupakan suatu ancaman dan penghalang kepada pembinaan masyarakat Malaysia yang maju seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020. Penglibatan belia terhadap aktiviti lumba haram adalah pada tahap yang membimbangkan (Musa, 2006). Belia yang terlibat dalam gejala ini yang juga dikenali dengan 'Mat Rempit' didapati gemar menunggang secara berkumpulan yang besar (Yahya, 2009).

Kebimbangan umum adalah bagaimanakah keadaan negara pada masa hadapan sekiranya fenomena Rempit ini tidak ditangani dengan sebaik-baiknya. Untuk mencapai penyelesaian terhadap kebimbangan tersebut, penulisan ini akan memahami terlebih dahulu fenomena Rempit, menyelami pengalaman aktiviti mereka dan memahami kehendak sebenar

yang mereka ingin perolehi. Pemahaman terhadap fenomena ini dapat membantu mengukuhkan asas kepada usaha membimbing mereka untuk bersama masyarakat bagi membina aspirasi negara.

PERSOALAN KAJIAN

Dua persoalan kajian yang telah dikenal pasti bagi memahami fenomena Rempit secara mendalam adalah 1) Siapakah belia 'rempit'? dan 2) Apakah faktor penolak mengapa belia merempit? Persoalan kajian di atas adalah bertujuan untuk memahami punca sebenar mengapa belia yang terlibat dalam fenomena Rempit di jalanan dan bagaimana mereka terdorong untuk terlibat. Dengan menggunakan pendekatan kajian kes fenomenologi, penerokaan empirikal tentang sejarah kehidupan dan pengalaman aktiviti Mat Rempit ini boleh digunakan untuk mencadangkan beberapa program pendidikan dan program intervensi terhadap permasalahan yang melibatkan golongan belia berisiko ini.

SOROTAN LITERATUR

Definisi 'Rempit'

Terdapat beberapa definisi yang menjelaskan pengertian terma Mat Rempit dalam kalangan belia. Terma rempit berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris '*remp-it*' yang mencirikan pelumba yang sedang memeras minyak di jalan raya (litar) yang mana menjadi nama jolokan bagi individu yang terlibat (Rozmi, 2005). Menurut Yahya Don (2009), Mat Rempit adalah penunggang motorsikal yang melakukan aksi-aksi merbahaya. Dalam erti kata yang lain, Mat Rempit adalah kumpulan belia yang terbabit dalam perlumbaan haram dengan menggunakan motorsikal kapcai, menunggang motorsikal secara merbahaya di jalan raya yang membahayakan pengguna dan menggugat ketenteraman (Samsuddin, 2007). Mat Rempit juga didefinisikan sebagai individu yang menyertai perlumbaan haram menggunakan motorsikal berkuasa kecil (Rozmi & Norhayati, 2007). Secara umumnya, terma Mat Rempit sebenarnya adalah gelaran yang diberikan oleh orang ramai kepada individu yang merempit. Secara kesimpulannya, Mat Rempit adalah gelaran yang diberikan kepada

seseorang individu lelaki yang terlibat dalam salah laku jalanan dengan menunggang motorsikal secara berlumba dan aksi-aksi yang merbahaya untuk mencari titik kepuasan dari penglibatannya (Mohd Mursyid, 2010).

'Rempit' sebagai Sub-Budaya Belia

Penglibatan belia dalam aktiviti ini adalah secara berkumpulan atau sekelompok kecil kumpulan yang menyebabkan belia mudah untuk dimanipulasikan dengan pembentukan subbudaya (*subculture*) yang wujud secara tidak langsung bagi membezakan diri dan kumpulan dengan budaya dan norma sebenar sesebuah masyarakat. Di dalam konteks sosiologi, sub-budaya merupakan sekumpulan atau sekelompok manusia dengan budaya tersendiri yang membezakan mereka daripada sebuah budaya sebenar masyarakat sama ada nyata atau tersembunyi.

Teori Sub-budaya oleh Hedbige (1979) menyatakan bahawa sub-budaya adalah sesuatu pemberontakan terhadap perkara normal yang juga boleh dirasakan sebagai negatif merujuk kepada budaya mereka yang mengkritik kepada kelompok biasa dominan sosial. Sub-budaya membawa bersama-sama pemikiran individu yang merasakan dirinya terabai oleh kebiasaan sosial dan mendorong mereka untuk membentuk identiti tersendiri. Sub-budaya adalah sebuah set kumpulan yang berkongsi takrifan sifat, bercampur gaul dengan satu sama yang lain dengan ahli kumpulan dalam sesuatu institusi bercampur gaul dengan sifat yang ditakrifkan mereka, bersangkutan kepada set nilai yang nyata, berkongsi set budaya dan mengambil bahagian dalam kebiasaan arah kehidupan. Sub-budaya belia seringkali dilihat sebagai berlawanan dengan budaya yang telah wujud di sekeliling mereka serta bertentangan dengan nilai yang berhubung dengan ibu bapa mereka di rumah (Kehily, 2007). Ahli sesebuah sub-budaya seringkali memberikan isyarat keanggotaan mereka dalam membuat pilihan yang khusus dan simbolik yang nyata, contohnya gaya berpakaian, gaya rambut dan kasut yang dipakai (Hedbige, 1979).

Konsep sub-budaya dapat dibezakan dari konsep gaya hidup terutama dari segi darjah kehebatan tindakan mengamalkan sesuatu aktiviti, kesan dan persepsi masyarakat terhadapnya (Rokiah, 2004, hal. 108). Kumpulan sub-budaya kebiasaannya menandakan diri mereka dengan penampilan yang berbeza, gaya yang tersendiri, mod pemakaian dan penampilan yang

membuatkan mereka kelihatan berlainan (Kehily, 2007, hal. 23). Secara umumnya, apabila berlaku proses pembangunan dan pemodenan, telah wujud suatu kepelbagaian budaya atau unsur pluralisme dalam sesebuah masyarakat yang secara tidak langsung mendorong kepada pembentukan suatu budaya yang bersifat bukan konvensional atau *counterculture* (Hall dan Jefferson, 2006). *Counterculture* ini dapat dilihat dari dua segi iaitu mencabar nilai dan norma yang sedia ada dalam sesebuah budaya, manakala satu sudut lagi adalah ekspresi terhadap tekanan yang dihadapi oleh individu dan sesuatu kelompok untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai tuntutan masyarakat (Kehily, 2007).

Konsep sub-budaya adalah penting dalam memahami kehidupan golongan belia. Sub-budaya belia adalah sub-budaya yang berasaskan belia dengan secara jelas dan nyata mengaitkan dengan gaya, tingkah laku dan kecenderungan minat. Ia berfokuskan kepada belia sebagai bentuk tunggal sesuatu budaya. Sub-budaya juga boleh dilihat sebagai kumpulan dalam lingkungan kumpulan (Kehily, 2007). Sub-budaya jelas dilihat pada aliran muzik yang spesifik seperti 'Punk Rokers', 'Metalheads', 'Goths', 'Hip Hop', 'Emo', dan 'Indi'. Sub-budaya juga turut berkembang kepada belia yang meminati kenderaan. Seperti aliran muzik, belia yang meminati kenderaan turut membentuk sub-budaya tertentu yang berasaskan identiti tertentu dan spesifik seperti belia yang meminati motosikal, kereta, skuter, papan mainan luncur (*skateboard*) dan sebagainya yang mempamerkan pembentukan sub-budaya belia. Penentuan ini memainkan peranan penting dalam penentuan sub-budaya belia di Malaysia termasuk gejala Mat Rempit yang berleluasa sejak kebelakangan ini.

Sepertimana Boso-zoku di Jepun, Streetracer di Australia dan Hell's Angel di Amerika, remaja lelaki di Malaysia yang terlibat dengan lumba haram dipanggil dengan istilah Mat Rempit manakala bagi remaja wanita yang turut serta dalam aktiviti mereka tersebut dipanggil Minah Rempit (Rozmi & Norhayati, 2007, Mohd Mursyid et al., 2010). Kegiatan lumba haram kebiasaannya dilakukan bermula dari hari Jumaat hingga Ahad dan kemuncaknya adalah pada malam Sabtu (Rozmi, 2005). Berdasarkan perangkaan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBPM), bilangan Mat Rempit di Malaysia adalah dianggarkan hampir 200,000 orang (Samsudin, 2007). Menurut Rozmi (2005), sub-budaya baru telah wujud dalam kalangan Mat Rempit yang mengasingkan serta membezakan mereka dari kelompok masyarakat melalui tingkah laku, personaliti, cara

hidup, pergaulan, pakaian dan bahasa yang digunakan dalam kumpulan. Sub-budaya yang ketara wujud dalam kalangan Mat Rempit adalah dari segi gaya berpakaian Mat Rempit dengan gemar berpakaian bersahaja (*simple*) tidak seperti kumpulan Boso-zoku di Jepun iaitu hanya memakai baju-T, baju berbelang dan berseluar *jeans*, memakai beg *posch*, berkasut tinggi dan turut berseluar pendek. Sama seperti Boso-zoku, Mat Rempit di Lembah Kelang turut memakai cermin mata berwarna hitam atau kuning dan segelintirnya memakai jaket kulit atau jaket span yang tebal. Bagi Minah Rempit yang membonceng di belakang pula kebiasaannya berseluar *jeans*, skirt dan berbaju nipis bagi menarik perhatian Mat Rempit yang lain. Sub-budaya Mat Rempit juga wujud dari segi penggunaan kod dan nama samaran sebagai panggilan kepada rakan-rakan mereka yang menggambarkan identifikasi kepada kumpulan di tempat yang berbeza serta sering mengamalkan penggunaan bahasa rahsia. Seperti Boso-zoku, Mat Rempit juga turut memodifikasikan motosikal mereka bagi tujuan perlumbaan dan kebiasaannya ketua kumpulan memainkan peranan menguruskan perlumbaan antara mereka. Rekabentuk modifikasi dan warna motosikal menjadi simbolik yang membezakan kumpulan Mat Rempit mengikut tempat atau kumpulan yang terlibat.

METODOLOGI

Rekabentuk Penyelidikan

Bagi menjawab persoalan kajian ini, pendekatan kajian kualitatif telah dijalankan terhadap belia yang terlibat dalam fenomena 'rempit' di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia. Menggunakan paradigma penyelidikan fenomenologi, kumpulan belia 'rempit' berkenaan bersetuju untuk ditemubual secara mendalam (*in-depth*), dan penyelidik juga dibenarkan melakukan pemerhatian turut serta (*participant observation*) dalam aktiviti lumba mereka.

Pengkaji sebagai instrumen kajian

Pengkaji sendiri adalah sebagai instrumen kajian pada keseluruhan proses pengumpulan data dan analisis di mana pengkaji berpengaruh terhadap subjek yang meliputi konteks kajian, memilih teknik pengumpulan data

yang berpadanan, yang mana sensitif kepada aspek *non-verbal* semasa temubual dijalankan dan proses berterusan, dan data tersebut dianalisis sehingga proses kajian tamat (Guba & Lincoln, 1981).

Persampelan purposif (purposive sampling)

Saiz persampelan adalah kecil dan terpilih berdasarkan kriteria berikut: a) subjek kajian adalah terdiri daripada belia yang mewakili sesebuah kumpulan Mat Rempit yang aktif menjalankan kegiatan dan aktiviti di utara Semenanjung Malaysia; b) subjek kajian berpengalaman dalam aktiviti ini yang sedang terlibat dengan aktif atau yang pernah terlibat dengan aktiviti Mat Rempit; dan c) kesediaan subjek kajian untuk berkongsi pengalaman kehidupan mereka sebagai Mat Rempit.

Oleh kerana kajian ini dijalankan untuk meneroka fenomena rempit berdasarkan pengalaman mereka, Creswell (2007) mencadangkan bahawa kaedah fenomenologi membolehkan pengkaji menengahkan pengalaman subjektif kehidupan seseorang individu. Menurutnya, kajian fenomenologi adalah bertujuan untuk menerangkan maksud tentang konsep dan fenomena pengalaman kehidupan bagi individu masing-masing.

Pengumpulan dan analisis data

Pengkaji memulakan analisis awal data ke atas temubual yang pertama dijalankan dengan menganalisis serta membina kategori serta tema dan kemudiannya disusuli dengan temubual yang seterusnya.

Proses pengumpulan data dilakukan dalam tempoh tiga bulan bermula awal Mei hingga pertengahan Julai 2009. Sebagai cara untuk mengurangkan keasingan antara pengkaji dengan subjek kajian, pengkaji mewujudkan *rapport* sebagai asas perhubungan bertujuan mendapatkan kepercayaan subjek kajian dan penglibatan mereka dalam kajian ini. Pertama, pengkaji bergerak ke lapangan kajian, meluangkan masa dengan mereka, mengenali mereka dan mengenal pasti beberapa subjek kajian yang didapati terlibat secara aktif atau pernah terlibat. Dalam perjumpaan yang seterusnya, pengkaji memperkenalkan objektif kajian dan seterusnya mendapatkan persetujuan subjek kajian untuk ditemubual

secara *in-depth* dengan menetapkan tarikh dan waktu yang sesuai dengan subjek kajian. Seterusnya, pengkaji menemubual subjek di tempat yang sesuai yang kebanyakan sesi temubual dijalankan dalam suasana santai pada waktu mereka tidak berlumba. Bagi menguatkan kebolehpercayaan yang diperoleh dari maklumat yang diberikan subjek, pengkaji telah mendapatkan kebenaran dan kerjasama subjek kajian untuk menjalankan pemerhatian turut serta (*participant observation*). Pengkaji turut bersama-sama responden ketika mereka menjalankan aktiviti berlumba atau melakukan aksi bermotosikal di lapangan dan juga turut bersama mereka ketika tidak menjalankan aktiviti sepanjang tempoh masa penyelidikan.

Data yang dikumpulkan mencapai tahap ketepuan (*saturated point*) dari keseluruhan 13 orang informan yang terlibat dalam kajian ini. Tempoh masa setiap temubual ketika ia dijalankan di antara 50 minit hingga 1 jam 45 minit. Pengkaji juga mengendalikan setiap temubual berdasarkan kepada panduan temubual yang berfokuskan kepada apakah yang dimaksudkan mereka dengan merempit, mengapa mereka terjebak dan bagaimana mereka melalui pengalaman tersebut. Pengkaji mendapatkan data dari responden apabila turun di lapangan kajian dan juga mendapat beberapa lagi informan yang mempunyai nama dan pengalaman yang banyak menggunakan teknik *snowball*, hasil dari hubungan yang terbina dengan beberapa orang informan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, persampelan bertujuan digunakan bagi mengenal pasti subjek yang bersesuaian bagi kajian ini. Sampel adalah terdiri daripada mereka yang berkebolehan untuk mendapatkan semua maklumat yang diperlukan terhadap isu yang hendak dikaji (Merriam, 1998; Patton, 1990).

Hasil temubual yang ditranskripikan telah diteliti beberapa kali. Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo versi ke-8, yang merupakan perisian yang dapat membantu pengkaji mengkod dan mengkategorikan data kajian yang diperolehi.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil belia yang terlibat dengan gejala Mat Rempit


Keseluruhan 13 orang informan kajian ini terdiri dari golongan belia yang terlibat dan pernah bergiat secara aktif dalam aktiviti Mat Rempit yang

berada dalam lingkungan usia antara umur 16 tahun hingga 29 tahun dimana penglibatan terawal mereka semasa mula merempit antara seawal usia 9 dan 19 tahun. Purata keseluruhan jumlah informan kajian memiliki latar belakang pendidikan yang rendah dan sederhana dengan hanya di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), selain daripada 4 orang informan yang masih belajar di sekolah menengah. Hanya seorang informan sedang melanjutkan pengajian di peringkat diploma di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Tahap pendidikan adalah merupakan sebagai panduan menjadikan golongan belia mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan perasaan ingin mencuba. Tanpa latar belakang pendidikan yang baik, berkemungkinan besar mereka hidup dalam keadaan terdesak dan susah serta meningkatkan lagi risiko mereka terjebak dalam aktiviti berisiko tinggi (Asmawati & Fatimah, 2005).

Informan turut mengakui bahawa mereka kerap merempit di kawasan bandar berbanding kawasan pinggir bandar (kampung). Hanya seorang sahaja informan yang telah berkahwin dan seorang telah bertunang dan bakal melangsungkan perkahwinan, manakala informan yang lain masih belum berkahwin ketika data kajian ini dikumpulkan yang turut dikenal pasti mempengaruhi keterlibatan mereka secara aktif dalam aktiviti merempit. Hasil pendapatan dari kerja sambilan yang dilakukan kebiasaannya digunakan untuk membeli barangan motorsikal dan mengubahsuainya serta membeli motorsikal lain bagi tujuan untuk meningkatkan keupayaan motorsikal dalam perlumbaan selain dari perbelanjaan peribadi mereka.

Dari segi pemilikan lesen memandu informan, berdasarkan temubual terhadap mereka, hanya tiga informan mengaku memiliki lesen memandu manakala selebihnya tidak memiliki lesen memandu. Di samping itu juga, tujuh daripadanya mempunyai cukai jalan motorsikal yang sah. Berdasarkan pemerhatian pengkaji dan pengakuan oleh informan, golongan belia yang terlibat dengan gejala merempit ini lazimnya mempunyai didikan agama yang rendah terutama amalan ibadah yang wajib dilakukan sebagai seorang umat Islam dan perlakuan yang ditegah oleh agama. Hanya seorang sahaja informan mempunyai pekerjaan tetap sebagai pekerja kilang. Nama sebenar informan tidak didedahkan sebaliknya menggunakan nama samaran mereka bagi menjaga kerahsiaan kajian dan *anonymity* informan. **Rajah 1** di bawah memaparkan ringkasan keseluruhan profil belia yang terlibat dengan Mat Rempit manakala **Jadual 1** pula menunjukkan demografi informan dalam kajian ini.

Rajah 1: Profil belia yang terlibat dengan gejala



Apakah faktor penolak mengapa belia merempit?

Faktor penolak adalah merupakan faktor yang menolak seseorang ke arah perlakuan sesuatu perkara atau tindakan, yang juga boleh dikaitkan individu belia untuk terlibat dalam gejala lumba haram sebagai Mat Rempit. Faktor penolak dalam kajian ini adalah faktor yang dikenal pasti di mana pada asasnya keinginan individu Mat Rempit tersebut untuk terlibat adalah rendah atau hampir tiada keinginan pada awalnya, akan tetapi

Jadual 1 : Demografi Informan

| Nama | Umur (tahun) | Tahap Pendidikan | Kawasan Tempat Tinggal | Usia mula merempit (tahun) | Pengalaman Merempit (tahun) | Bil. adik beradik | Status | Pemilikan Lesen Memandu | Cukai Jalan | Catatan Aktiviti |
|-----------|--------------|------------------|------------------------|----------------------------|-----------------------------|-------------------|-----------------|-------------------------|-------------|-----------------------------|
| Azmi | 23 | SPM | Taman Perumahan | 15 | 7 | 4 | Bujang | Tiada | Ada | Kurang aktif |
| Azri | 25 | SPM | Taman Perumahan | 19 | 6 | 3 | Bujang | Ada | Tiada | Telah Berhenti (Tahun 2008) |
| Dan | 17 | Masih Bersekolah | Taman Perumahan | 9 | 8 | 4 | Bujang | Tiada | Tiada | Sangat aktif |
| Krie | 20 | SPM | Taman Perumahan | 15 | 5 | 7 | Bujang | Tiada | Tiada | Sangat aktif |
| Kudut | 20 | SPM | Taman Perumahan | 16 | 4 | 6 | Bujang | Tiada | Tiada | Sangat aktif |
| Man Teloq | 16 | Masih Bersekolah | Taman Perumahan | 11 | 5 | 6 | Bujang | Tiada | Ada | Sangat aktif |
| Mat | 19 | SPM | Kampung | 15 | 4 | 5 | Bujang | Tiada | Tiada | Sangat aktif |
| Mie | 18 | IPITS | Kampung | 13 | 5 | 4 | Bujang | Tiada | Tiada | Telah Berhenti (Tahun 2008) |
| Param | 17 | Masih Bersekolah | Taman Perumahan | 12 | 5 | 6 | Bujang | Tiada | Ada | Sangat aktif |
| Tok Wi | 16 | Masih Bersekolah | Taman Perumahan | 12 | 4 | 7 | Bujang | Tiada | Tiada | Sangat aktif |
| Tuntung | 16 | Masih Bersekolah | Taman Perumahan | 11 | 5 | 5 | Bujang | Tiada | Ada | Sangat aktif |
| Wan | 22 | SPM | Taman Perumahan | 15 | 7 | 4 | Bujang | Ada | Ada | Sangat aktif |
| Yus | 29 | SPM | Taman Perumahan | 16 | 8 | 14 | Telah Berkahwin | Ada | Ada | Kurang aktif |

merasakan seakan-akan dirinya ‘tertolak’ untuk terlibat dan merempit. Faktor penolak dalam situasi ini diibaratkan sebagai pada mulanya hanya sekadar suka-suka, mengambil angin dan berkumpul sesama rakan sebaya yang bermotosikal kemudian mula untuk memikirkan aktiviti yang menyeronokkan (Rozmi & Norhayati, 2007, hal. 42). Kaedah *constant comparative* daripada analisis dapat mengenal pasti makna menjadi Mat Rempit adalah dari kehendak dan keinginan dalaman. Terdapat bebarapa faktor yang dikenal pasti sebagai faktor penolak yang mengandungi empat tema yang dikenal pasti mengapa belia merempit iaitu a) kebosanan kerana ketiadaan aktiviti; b) masalah dalam keluarga; c) tertekan dengan masalah dan konflik; d) taraf sosio-ekonomi yang rendah dan sederhana.

Kebosanan kerana ketiadaan aktiviti

Terdapat satu lagi faktor yang merupakan penyebab mengapa belia berminat untuk terlibat sebagai Mat Rempit. Ini adalah kerana faktor kebosanan yang telah lama wujud dalam diri Mat Rempit. Responden menyatakan bahawa mereka seringkali merasa bosan dan merasakan diri mereka tiada hala tujuan, lalu mereka memilih untuk merempit sebagai cara untuk mengisi masa senggang tersebut rentetan dari perasaan bosan yang dialami. Ini telah dinyatakan sendiri oleh Kudut:

“...saya boring, tak tau. Duk rumah, duk melepak satgi, tak boleh..boring..aaa, macam kalau...memang betul la. Tapi nak buat macam mana. Tapi dah jadi kebiasaan. Keluar Rempit pi mai pi mai. Ni dorongan member duk ajak la apa la. Melepak, boring tak tau nak buat apa. Zaman dulu boleh la melepak, zaman la dak la. Kalau boring sikit keluar huhahuha, perabih minyak. ...”

Azmi juga membuat kepastian dan meyakinkan pengkaji dengan menyatakan bahawa “...*pas tu boring, boring sangat-sangat...kita dengar ada game, ada race kat mana-mana, tengok orang ramai duk keluar, aa, saya keluar main la. ...*”. Dari kenyataan tersebut jelas menunjukkan responden memilih untuk merempit sebagai suatu cara untuk menghilangkan rasa kebosanan yang dialami mereka. Mat Rempit lebih selesa bersama rakan-rakan Rempit yang lain bagi menjalankan aktiviti tersebut sebagai cara untuk mengisi perasaan kekosongan dalam diri mereka dan turut berkongsi banyak perkara dengan kumpulan yang menjurus kepada kumpulan sosial

yang khusus dan berkawasan (Leigh, 1995).

Kenyataan tersebut dikuatkan lagi dengan pengakuan Yus yang menyatakan bahawa aktiviti lumba haram atau merempit sebenarnya adalah kerana Mat Rempit sendiri tidak mempunyai perkara atau aktiviti yang hendak dilakukan. Mereka tiada hala tuju tentang apa yang perlu dilakukan, sebaliknya memilih aktiviti merempit sebagai pengisian kepada aktiviti harian mereka. Yus menyatakan:

“...saya memang...kita ada benda-benda (aktiviti berlumba) macam ni memang kita suka lah. Kita yang boleh jadi macam ni pasai (sebab) kita tak dak aktiviti. Jadi kita buat aktiviti suka-suka hati...aaaa macam tu lah. Jadi merempit la mudah. ...”

Berdasarkan penceritaan responden, dapat disimpulkan bahawa mereka cuba untuk mencari suatu alternatif bagaimana untuk menggambarkan identiti diri mereka yang sebenar yang meliputi ciri-ciri untuk dilihat sebagai seorang yang dewasa, namun memilih jalan mudah untuk berlumba di jalanan dan berbangga dengan aksi yang dilakukan bagi mengisi kelompongan yang ada sepanjang aktiviti harian mereka. Golongan Mat Rempit adalah terpengaruh dengan ideologi kebebasan dan mengisi masa lapang dengan cara mereka. (Rozmi & Norhayati, 2007, hal. 42). Situasi ini telah mengheret mereka kepada pengisian yang tidak berfaedah kerana kekeliruan memilih identiti yang betul dan sesuai menjadi salah satu faktor kepada punca-punca masalah. Pada waktu ini belia akan mula untuk meneroka dan mencari sesuatu yang baru sebagai rujukan sesuatu yang ingin dibentuk dan penerokaan ini cenderung kepada perkara yang negatif dan berisiko tinggi (Marsch et al., 2003).

Masalah dalam keluarga

Dalam membincangkan mengapa belia terlibat dalam gejala Mat Rempit, salah satu faktor penolakan belia ke kancah ini adalah disebabkan institusi kekeluargaan. Institusi kekeluargaan yang goyah dan rapuh merupakan salah satu penyebab mengapa belia terlibat dengan gejala merempit. Salah faham yang kerap berlaku antara ibu bapa memberi kesan kepada kegoyahan keluarga yang menurut Tuntung “...Ayah dan mak selalu gaduh-gaduh..selalu ayah nak marah-marah. Pantang silap

sikit. Jadi depa tak kisah sangat saya gi mana pun. ...”. Selain dari salah faham, turut berlaku keretakan hubungan kekeluargaan Mat Rempit yang melibatkan penceraian ibu bapa mereka seperti yang diakui oleh Kudut “...Ayah sekarang kontrak, kerja sendiri. Tapi dah cerai dah. Kira cerai dalam empat tahun dulu. Mak kerja guard, guard hospital....”. Oleh yang demikian, dapat dilihat di sebalik penceritaan responden, kesukaran yang dialami untuk meneruskan kehidupan sebagai ibu tunggal memerlukan pengorbanan besar di samping terpaksa bekerja bagi menyara keluarga. Oleh yang demikian, masa yang dihabiskan dengan tujuan untuk membina perhubungan dengan anak-anak adalah sangat terhad. Perubahan tingkah laku dan pergolakan emosi dalam kalangan ibu bapa dapat mempengaruhi suasana keluarga yang secara langsung memberi impak kepada anak-anak (Martin & Martin, 2000) yang turut dikaitkan dengan cara pengawasan serta kawalan ibu bapa.

Pendekatan yang kurang sesuai oleh ibu bapa

Antara perkara lain adalah berkaitan dengan keluarga mereka iaitu telah wujud perasaan tertekan di antara dirinya dan keluarga. Perasaan tertekan yang dialami belia berpunca dari dalam rumah akibat pendekatan ibu bapa dalam usaha menegur tingkah laku anak-anak mereka juga adalah merupakan faktor penolakan mereka untuk mencari alternatif di luar bagi mengurangkan perasaan yang tertekan tersebut. Perkara ini dinyatakan oleh Azri “...masa tu umur 17, macam 18 lah. Kita dah ada motor, kita ubahsuai, orang tua pun tak suka. Macam tu lah. Tension ja, malam keluar. Dari start tu la saya mula merempit. ...”. Beliau juga turut menambah:

“...peristiwa mak ayah marah, saya keluar la. Saya jenis saya kalau mak pak marah saya tak suka lawan apa semua. Lebih baik saya keluar daripada rumah. Macam kita keluar, balik, depa tak bising dah. Kita keluar tu, ada la aktiviti kita nak lepas tension. Masa tu dah habis Tingkatan 5. ... ”

Selain itu, terdapat juga responden yang tertekan dari teguran keluarga, yang berlarutan sehingga berlaku pertelingkahan dan akhirnya berlaku konflik antara hubungan responden dengan ibu bapa yang menyebabkan responden berasa tertekan dan akhirnya mencari jalan untuk mencari aktiviti yang dirasakan sesuai yang dilihat sebagai ‘penolakan’ kepada Mat Rempit. Ini dinyatakan oleh Wan yang mengakui perkara

tersebut:

“...punca kadang-kadang biasalah bertengkar. Kadang-kadang balik lewat ka. Kadang-kadang tak ikut cakap sikit kan, benda kecil ja, jadi besar. Bertengkar dengan ayah la selalu. Kadang bertumbuk dengan ayah pun ada. Saya lepas geram malam tu, masa tu Tingkatan 3. Masa tu la mula merempit. ...”

Konflik yang wujud di antara remaja dan ibu bapa merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kenakalan tingkah laku golongan remaja. Sekiranya remaja tersebut tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan konflik tersebut, maka tingkah laku mereka akan menimbulkan masalah sosial (Jas Laile Suzana, 2002). Perasaan tertekan yang wujud dalam diri Mie juga berlaku disebabkan oleh keluarga, di mana beliau mengakui ibu bapanya kerap membezakan perhatian kasih sayang antara dirinya dengan ahli keluarga yang lain. Apabila beliau merasakan kasih sayang kurang ditumpukan kepadanya, beliau berasa tertekan dan memilih untuk mendapat perhatian di luar. Mie menyatakan:

“...dari diri sendiri juga sebab kadang-kadang mungkin kita tekanan kan, kalau kita macam balik sekolah Mak pun kadang-kadang nak marah-marah. Ayah pula kadang-kadang diaorang nak lepas geram pun, marah-marah kita. Pas tu selalunya kalau sayang pun lebih kepada adik. Dari situ la. Family jugak la menyebabkan saya jadi macam terasing dalam keluarga. ...”

Rentetan dari perkara tersebut, beliau terlibat dengan kegiatan merempit di luar dengan rakan-rakannya. Tekanan yang dialaminya semakin bertambah setelah ibu bapanya mengetahui penglibatannya sebagai Mat Rempit, telah bertindak menghalaunya keluar dari rumah. Beliau merasa tertekan dan sepanjang beliau dihalau, semakin kuat keinginannya untuk merempit. Menurut beliau:

“...masa tu mai dengan ayah sepak penerajang (memukul) semua ada lah kan....Mak pula memang kecewa gila jugak la kan. Tapi tak boleh buat apa dah masa tu. Rasa macam nak lari laaa. Start dari situ saya kena halau dari rumah..Masa duk kat Penang kat berapa minggu tu lah saya lepas geram memang nak merempit. ...”

Perkara yang sama juga turut dinyatakan oleh Mat, di mana ibu bapanya juga kerap membandingkan dirinya dengan ahli keluarga yang lain menyebabkan dirinya berasa tertekan. Beliau menyatakan “...*Mak kita ni suka duk bela abang. Pas tu bila tengok, oooo, mak suka rupanya macam ni. Kita pun nak lebih lagi, nak lebih dari abang. Sebab tu jadi macam tu. Saya kena marah macam tunggul. ...*”. Dalam menghuraikan perkara tersebut, Mat turut menambah:

“...mak abah selalu duk jaga la (abang). Depa tak tau abang pun duk merempit juga. Macam jumpa adik beradik (saudara mara), tak dak cerita lain. Cerita pasal dia ja. Rasa tension la. Duk cerita pasal pasal dia la, cerita macam ni, macam ni, macam ni. Last-last satgi, cerita-cerita, satgi ada ‘gu’ (kumpulan) dia duk cucuk pulak kan, dia kata, ni anak hang nombor 2 macam mana, anak aku nombor dua macam ni, macam cerita tadi, kita dengar jadi macam tak seronok. Time tu kita kata, oooo, hang pa nak jadi macam ni, tak pa, aku buat macam ni. ...”

Kurang keprihatinan ibu bapa terhadap anak-anak

Selain daripada tekanan yang datang dari dalam rumah, kekurangan keprihatinan ibu bapa terhadap anak-anak juga merupakan penyebab mengapa belia merempit kerana di luar batas pengetahuan mereka. Berdasarkan penceritaan responden, mereka mengakui ibu bapa mereka jarang berada di rumah untuk mengawasi mereka lantas menyebabkan mereka bebas dan bijak untuk menyembunyikan perlakuan mereka seperti yang dinyatakan oleh Azri:

“...ayah saya jarang ada kat rumah. Tu yang saya jadi macam tak berapa ni kan. Sebab ayah kerja bawa lori, seminggu sekali baru balik. Bila kadang macam ayah saya balik, saya duk rumah, saya tak keluar. Ada game macam mana pun saya tak akan keluar. Motor saya akan simpan dalam rumah, simpan dalam bilik, senyap. Saya tak akan keluar. Kira dia tak tau la aktiviti saya duk buat apa. ...”

Perkara yang sama juga diungkapkan oleh Krie, di mana beliau menyatakan “...*ayah kerja kapal, bawak kapal..pilot. Mak suri rumah lah. Ayah jarang duk rumah aa*”. Krie juga turut menambah:

“...macam ayah seminggu sekali dia balik lah....Tapi kalau kena dengan polis ka (ditahan), jatuh motor ka, mak semua tanggung. Tapi kalau ayah balik, mak tak habaq, mak suh rahsia. Ayah tak tau. Ayah duk kerja. Sibuk duk kerja ja. ...”

Keprihatinan ibu bapa yang rendah dalam mengambil berat aktiviti yang dilakukan anak mereka sehinggakan tidak berapa kisah terhadap apa yang dilakukan serta sikap tidak ambil peduli keluarga menyebabkan mereka bebas melakukan apa sahaja, sama seperti kegiatan merempit. Perkara ini diakui sendiri oleh Azmi, di mana *“...Depa (ibu bapa) tak pernah nak tanya saya keluar ke mana...Macam kita pun start-start rokok kan, orang tua pun tak tau tang (di) mana. Tak tau, jumpa dengan dia ja...”*.

Kesan kepada kurangnya keprihatinan ibu bapa mendorong kepada perlakuan negatif anak-anak mereka. Ia berbeza dengan pendekatan ibu bapa yang lebih cenderung untuk mengetahui perlakuan anak mereka yang lebih cenderung kepada perilaku positif. Ini kerana hubungan keluarga yang erat, rapat dan bermakna lebih terhindar daripada perbuatan gejala sosial (Mackay, 2003). Dalam perkara yang sama seperti Azmi dan Mat juga turut menyatakan perkara yang sama di mana beliau mengakui *“Saya ni kira ibu bapa tak mau ambil peduli sangat lah. Tak mau ambil peduli kat saya”*. Mat turut menambah:

“...ayah tak kisah saya sangat dari kecil lagi. Apa abah tu kira daripada dulu, kira dia, dia jarang juga dulu. Mai la (sekarang) ni, ok laa. Tapi Mak la pulak. Mak pula macam suka kongkong habis la. Kongkong habis. Selalu bandingkan dengan abang lah. ...”

Dapat dilihat dari pengakuan responden yang mengakui segelintir ibu bapa mereka seakan-akan tidak kisah dengan perlakuan yang dilakukan oleh anak mereka, dan akhirnya membiarkan mereka keluar pada setiap malam. Anak-anak yang kurang mendapat bimbingan ibu bapa berkemungkinan akan memberi perhatian kepada ejen sosialisasi lain untuk mendapat bimbingan hidup (Samsudin, 2007) yang memperlihatkan mereka cenderung untuk mendapatkan perhatian di luar rumah. Menurut Azaman & Saedah (2005), hubungan kekeluargaan mempunyai kesan yang ketara dalam pembentukan personaliti individu. Kemungkinan anak-

anak bertingkah laku serong akan berkurangan jika mempunyai hubungan intim dengan ibu bapa. Perkara yang negatif akan berlaku terhadap anak-anak sekiranya keadaan adalah sebaliknya.

Kurang mendapat kasih sayang dalam keluarga

Terdapat juga responden yang mempunyai bilangan ahli keluarga yang besar, yang mana mereka memiliki adik beradik yang ramai seperti yang diceritakan oleh Yus “...*saya dalam adik beradik saya 14 orang. Saya nombor empat lah.....Mak ayah tak kisah sangat hat (yang) atas-atas (lebih sulung) ni...*”. Menurut Haynie dan Piquero (2006), ibu bapa akan menghadapi masalah untuk membina perhubungan perseorangan dengan anak-anak, mengawal tingkah laku anak-anak, mempengaruhi cara keibubapaan serta sukar untuk memenuhi kesemua tuntutan anak-anak dalam sesebuah keluarga yang mempunyai isi keluarga yang besar.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa masalah di dalam keluarga seperti perpecahan keluarga, kurangnya didikan dan kawalan ibu bapa menyebabkan peningkatan pengaruh rakan sebaya dalam kalangan anak-anak (Warr, 1993). Masa yang dihabiskan di luar rumah bekerja akan mengurangkan masa mereka berada di rumah bersama-sama anak mereka. Ini dengan sendirinya akan mengurangkan masa ibu bapa untuk membantu mengawasi anak-anak mereka dan juga membimbing dalam perkembangan emosi mereka (Samsudin, 2007). Sebagai saranan, peranan penting boleh dimainkan keluarga dan anggota masyarakat agar golongan Mat Rempit tidak terus dibiarkan tanpa diberikan panduan yang betul dalam kehidupan mereka (Ismi et al., 2009).

Tertekan dengan masalah dan konflik

Selain dari masalah dan konflik dalam keluarga sendiri, didapati juga terdapat beberapa peristiwa atau perkara yang berlaku dalam diri Mat Rempit yang menyebabkan wujudnya konflik dalaman yang menyebabkan mereka tertekan. Ini diakui sendiri oleh responden kajian yang menyatakan punca mengapa mereka merempit adalah kerana mereka tertekan dan ingin melepaskan tekanan tersebut melalui cara merempit atau berlumba haram.

Tekanan dari keluarga

Pengakuan ini dinyatakan sendiri oleh Azri, di mana berlaku penolakan teguran dari keluarga yang menyebabkan beliau tertekan dan memilih untuk merempit. Azri menyatakan:

“...peristiwa mak ayah marah, saya keluar la. Saya jenis saya kalau mak pak marah saya tak suka lawan apa semua. Lebih baik saya keluar daripada rumah.. ...”

Apabila ditanya apakah bentuk aktiviti yang dinyatakan bagi melepaskan tekanan, beliau menjawab *“main motor la...Rempit...apa lagi”*.

Renteten dari peristiwa tersebut, Wan juga turut menyatakan *“Masa tu cuti sekolah. Ada lah perselisihan faham dengan family kan. Pas tu Wan tension sangat-sangat. Bila Wan keluar, Wan tengok, isshhh, kira orang race ni macam na depa rasa kan...”*. Beliau juga turut menambah:

“...start dulu kan, jumpa kawan-kawan apa, tanya depa untuk hilangkan boring dan tension macam mana, depa kata hang nak lepas tension, hang keluar, hang lepas geram hang, hang buat pi la nak race ka, hang geram kat motor, hang buat pi. Macam tu la kira. Macam ni, boleh la try kalau boleh hilang tension. ...”

Pada Mie pula, beliau menyatakan rasa tertekan apabila tidak tahan dengan leteran keluarga lantas memilih aktiviti merempit sebagai alternatif untuk melepaskan tekanan. Mie menyatakan *“...dari diri sendiri juga sebab kadang-kadang mungkin kita tekanan kan, kalau kita macam balik sekolah Mak pun kadang-kadang nak marah-marah. Mie tak tahan. Mie keluarlah..”* Dapat dicungkil daripada penceritaan responden, peraturan yang ada dalam institusi kekeluargaan lebih cenderung untuk menyekat mereka untuk bebas di luar rumah dan melakukan pelbagai perkara yang disukai sebagaimana pengakuan dari responden kajian. Mereka kerap kali bertembung dengan konflik dalam dua situasi yang berlainan, iaitu hak untuk bebas bersosial dan pengikatan peraturan di sekeliling mereka, yang mana situasi sebeginilah yang mengheret mereka dalam keadaan kekeliruan terhadap identiti yang sepatutnya (Warr, 1993).

Putus percintaan

Dalam konteks yang lain, terdapat responden yang mengakui beliau tertekan kerana putus cinta dengan teman wanita, dan memilih jalan merempit bagi melepaskan tekanan serta rasa kecewa yang dialaminya, di mana ia adalah merupakan peristiwa awal dalam hidupnya yang menyebabkan beliau mula merempit. Ini diakui oleh Kudut yang menceritakan:

“...cerita macam ni, kira masa balik sekolah, saya wheelie aa, saya wheelie depan sekolah. Awek nampak. Dia maki hang nak mati apa. Kita tok sah duk kawan dah la. Tak suka Mat Rempit semua. Kira tak pa la. Tension memang..memang dah break terus dengan dia. Jadi tak tentu arah, frust, tension sangat. Pas tu member ajak keluar pulak. Ajak keluar, hilang sikit, lupa habis. Saya masa tu Tingkatan 4. ...”

Dari data yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor yang mendorong mereka melakukan suatu aktiviti salah laku adalah berpunca daripada tekanan dalaman yang dihadapi (Chen et al., 1997). Selari dengan peringkat umur belia yang terlibat dengan Mat Rempit seperti yang dinyatakan oleh Haynie dan Piquero (2006), keadaan yang dialami oleh individu yang berada pada tempoh keremajaan digambarkan sebagai emosi yang tidak stabil, mudah marah atau kecewa, sensitif, dan mudah rasa tertekan. Di samping itu juga, seseorang yang mengalami tekanan hidup juga akan memandu secara melulu. Kebanyakan Mat Rempit memilih untuk menunggang motosikal dengan kelajuan yang tinggi serta dengan cara yang merbahaya bagi melepaskan tekanan yang dihadapi. Teori kegagalan mengawal impuls mencadangkan bahawa pemandu yang suka mengambil risiko adalah berkaitan dengan pelepasan emosi (Rozmi, 2005). Kebarangkalian yang lebih baik untuk menghindar dan menjauhkan diri dari terjebak kepada perlakuan atau aktiviti salah laku akan wujud sekiranya individu belia tersebut mempunyai konsep sendiri yang baik serta dapat menyesuaikan diri dengan tekanan yang dihadapi (Yahya, 2009).

Taraf sosio-ekonomi yang rendah dan sederhana

Salah satu faktor penolak yang memainkan peranan secara tidak langsung yang menyebabkan golongan belia terlibat adalah disebabkan taraf sosio ekonomi yang rendah dan sederhana. Berdasarkan maklumat yang diberi responden, majoriti belia yang terlibat dengan gejala ini berlatar belakangkan keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana. Azmi yang menceritakan latar belakang keluarga beliau menyatakan:

“...ayah dulu askar, tapi pencen dah. La ni dia buat tukang kebun, kat sekolah. Tukang kebun sekolah. Mak saya pula kerja buat kuih. Buat kuih rumah, hantar kat orang, hantar kat kedai. ...”

Menurut Kudut pula, ibunya terpaksa bekerja dengan pendapatan yang rendah bagi menara kehidupan keluarga setelah ibu bapanya bercerai. Menurutnyanya *“...saya anak keempat daripada enam beradik. Ayah sekarang kontrak, kerja sendiri. Tapi dah cerai dah. Kira cerai dalam empat tahun dulu. Mak kerja guard, guard hospital...”*. Selain itu, terdapat responden yang mengakui beliau bukan dari keluarga yang berpendapatan setelah kematian bapanya, seperti yang dinyatakan oleh Dan *“...ayah saya dah meninggal dunia dah 2 tahun dah. Tinggal mak la tak kerja apa. Sekarang abang dan kakak la duk sara keluarga saya...”*. Terdapat juga responden yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah seperti yang diceritakan oleh Yus *“...ayah saya kerja kampung biasa-biasa ja. Mak suri rumah, duk jaga kami 14 beradik.”*. Kini beliau terpaksa bekerja sendiri dengan berpendapatan yang tidak seberapa bagi menara keluarganya kini. Beliau menambah:

“...saya kerja la ni saya tak kerja dengan orang, saya buat sendiri repair kereta, repair motor (mekanik) macam tu lah. Ada bengkel sendiri. La saya baru bukak 8 bulan, saya buat di rumah macam tu lah sikit-sikit. Tak kerja dengan orang. ...”

Seterusnya, terdapat juga beberapa orang responden yang datang dari keluarga yang berpendapatan sederhana, di mana ibu bapa mereka masih bekerja atau berniaga. Menurut Azri *“...mak saya suri rumah. Ayah saya pemandu lori. Ayah memang dari dulu pemandu lori...”*. Berdasarkan penceritaan Mat pula, beliau menyatakan ibu bapanya turut membuka perniagaan secara kecil-kecilan. Menurut beliau, *“...ayah kerja bengkel*

besi, kerja sendiri. Kedai ayah di (tempat) dalam sikit....mak la (sekarang) buka kedai laksa la (berniaga)..”. Kerana kesempitan hidup dan tuntutan kehidupan yang lebih materialistik serta nilai mata wang yang menurun dengan kos hidup yang meningkat memaksa ramai ibu bapa bekerja lebih daripada masa yang sepatutnya untuk menambahkan pendapatan (Samsudin, 2007).

Menurut Mie pula, ayahnya telah bersara tetapi ibunya masih bekerja dan mempunyai pendapatan bulanan yang tetap. Beliau menyatakan “...ayah saya dulu aaa, pelatih tentera kan, pas tu pencen, buat kerja kampung. Sekarang kerja kampung. Mak pulak ustazah sekolah menengah, guru sekolah menengah. ...”. Bagi Wan pula, beliau mengakui ayahnya merupakan anggota penguatkuasa dan juga turut mempunyai pendapatan bulanan yang tetap dan beliau datang dari keluarga yang sederhana, yang menyatakan “...ayah Wan ni, seorang anggota polis la. Mak dulu kerja kilang, la jadi suri rumah ja...”. Berdasarkan pengakuan responden, mereka adalah datang dari keluarga mempunyai latar belakang yang rendah dan sederhana, sehingga ada di antara mereka adalah ibu tunggal yang terpaksa menyara kehidupan keluarga. Keluarga yang mempunyai status ekonomi yang terlalu rendah menghadapi masalah untuk menangani masalah sosial anak remajanya sementara ibu bapa yang mempunyai status ekonomi yang terlalu tinggi mungkin kurang berupaya untuk menyedari tentang keperluan anak remajanya yang sebenar. Martin & Martin (2000) menyatakan keluarga yang kurang berupaya dari segi ekonomi mempunyai masalah untuk memupuk dan membina perhubungan di antara ibu bapa dan anak yang berkesan kerana kekurangan masa disebabkan keperluan untuk berjuang demi kehidupan Menurutny lagi, ibu bapa yang semakin kaya mungkin berkecenderungan mengabaikan penjagaan dan perkembangan serta keperluan psikologikal anak-anak.

Beberapa kajian yang dilakukan terhadap Mat Rempit mendapati bahawa golongan ini berada pada tahap ekonomi yang rendah, di mana mereka yang terlibat mempunyai purata pendapatan sekitar RM 600 hingga RM 700 sebulan (Rozmi, 2005). Dari segi profil keluarga pula mendapati kebanyakan bapa Mat Rempit adalah bekerja sendiri dan golongan pesara, manakala ibu mereka kebanyakannya hanya seorang suri rumah (Rozmi & Norhayati, 2007). Menurut Leigh (1995), latar belakang sosio ekonomi pelumba jalanan yang rendah adalah merupakan suatu faktor yang dapat membezakan pelumba jalanan dengan pelbagai bentuk jenayah juvana

yang lain. Beliau turut menambah, secara keseluruhannya, pelumba jalanan adalah daripada latar belakang yang rendah kepada sederhana. Berdasarkan daripada perbincangan dan huraian hasil kajian, Rajah 2 berikut menunjukkan rangkuman faktor penolak fenomena 'rempit' dalam kalangan belia:

Rajah 2: Faktor penolak mengapa belia merempit



KESIMPULAN DAN CADANGAN

Perbincangan dapatan kajian jelas menunjukkan bagaimana faktor penolak untuk belia merempit banyak mempengaruhi keinginan dalaman belia untuk terlibat dalam gejala ini. Pengenalpastian faktor penolak untuk menjadi rempit membantu pengkaji untuk membuka ruang yang lebih besar bagi melihat sejauhmanakah keterlibatan belia Malaysia dalam aktiviti rempit dan mengapa mereka merempit. Faktor utama yang mendorong belia menjadi Mat Rempit sebenarnya datang dari keinginan

dalam yang berbeza dalam setiap individu belia. Keinginan dalam ini telah dibincangkan dalam bahagian perbincangan dapatan sebelum ini.

Perancangan program pembangunan belia hendaklah mempunyai fokus yang jelas dengan memberikan tumpuan khusus daripada segi kemahiran, keterampilan dengan mengambil kira keperluan dan kekuatan belia (Villarruel et al., 2003). Antara implikasi kepada praktis pembangunan belia berasaskan aktiviti rempit ini adalah seperti berikut:

Pemahaman Masyarakat tentang Kategori Kecenderungan Belia bermotosikal yang berbeza

Masyarakat harus diberikan pendedahan tentang kewujudan berbagai kategori belia bermotosikal iaitu belia yang benar-benar mencari kepuasan dan keseronokan dengan cara berlumba di jalanan; belia yang ingin mendapatkan perhatian umum dan penghargaan dari rakan-rakan Rempit kerana kemahiran mempamerkan aksi penunggangan yang hebat; belia yang benar-benar berlumba untuk mendapatkan taruhan dan hadiah perlumbaan semata-mata; belia yang menggunakan platform bermotosikal sebagai aktiviti untuk menghabiskan masa lapang dan membina jaringan kenalan yang berkait rapat dengan pembentukan pengaruh; belia bermotosikal yang terlibat dengan salah laku seperti penyalahgunaan dadah, minuman keras; dan akhir sekali adalah belia bermotosikal yang benar-benar terlibat dengan jenayah seperti meragut, merompak dan memeras ugut. Definisi umum terhadap belia bermotosikal seharusnya diperincikan tanpa menyamakan semua Mat Rempit adalah sama. Ini adalah penting bagi menentukan apakah pendekatan intervensi yang berkesan dalam menangani isu ini dalam kalangan belia.

Masyarakat yang semakin jauh dengan Mat Rempit

Tanggapan negatif masyarakat terbukti akan membawa kelompok masyarakat lebih jauh untuk mendekati golongan Mat Rempit, sedangkan mereka adalah generasi muda yang juga pelapis kepada masyarakat. Tanggapan negatif ini wujud sepertimana yang dimaksudkan oleh responden kajian ini. Secara langsung ia akan mewujudkan perasaan curiga masyarakat terhadap golongan Mat Rempit, dan akhirnya meniadakan melibatkan mereka dalam aktiviti masyarakat lantas mereka dibiarkan begitu sahaja tanpa panduan dan pengawasan. Golongan belia seharusnya

memerlukan bimbingan dan panduan supaya mereka selari kepada budaya dominan yang normal. Oleh yang demikian, pemikiran masyarakat harus dipositifkan sebagai kunci untuk menerima kembali golongan ini supaya proses bimbingan dan terhadap mereka dapat dilaksanakan tanpa membantutkan usaha ke arah mengekang gejala ini dari terus berleluasa. Golongan belia mestilah dijadikan sebagai rakan dan terlibat sepenuhnya dalam membangunkan sebarang program, terutama dalam menentukan keperluan dan kehendak belia (Villarruel et al., 2003).


Usaha pembangunan belia Mat Rempit ke arah kehidupan yang positif secara bersepadu dari semua pihak

Permasalahan gejala lumba haram dan perlakuan aksi di jalanan terutamanya melibatkan golongan belia pada hari ini perlu dilihat secara lebih mendalam oleh semua pihak yang boleh mendorong kepada kesan negatif kepada negara jika tidak ditangani dengan sebaiknya. Usaha bersepadu agensi-agensi kerajaan, penglibatan agensi swasta, pertubuhan belia, badan sukarela dan organisasi masyarakat adalah perlu untuk mengekang permasalahan ini perlu bermula segera dengan memberikan penumpuan kepada agenda pembangunan belia Malaysia. Edginton et al. (2004) mencadangkan supaya program pembangunan belia yang menyeronokkan tetapi berunsurkan pendidikan. Sehubungan itu, program yang dianjurkan kepada kumpulan belia sebegini tidak boleh terlalu mengikat mereka secara pendekatan santai, mempunyai pengisian (pembangunan moral dan rohani, kepimpinan, khidmat sosial, kemahiran iktisas, program bimbingan dan sebagainya) dan tidak bermotifkan politik atau kepentingan mana-mana pihak bagi menjamin keberkesanan penglibatan mereka secara keseluruhan dan berterusan. Sekiranya aktiviti Mat Rempit dalam kalangan belia dipandang ringan, berkemungkinan belia yang terlibat ini akan terus terdedah dengan perlakuan salah laku jenayah yang lain.

Persoalan sama ada mampukah kita untuk membawa golongan belia yang bermasalah untuk berubah ke arah positif pasti akan terjawab apabila golongan belia ini turut dilibatkan bersama-sama sebagai rakan kepada pembangunan negara pada akhirnya. Belia Rempit sebenarnya mempunyai potensi tersendiri. Sebagai langkah permulaan kepada usaha ini yang mampu memberi impak yang positif kepada negara adalah

melalui tindakan pencegahan secara bersepadu. Usaha pencegahan dan kepelbagaian program intervensi yang bersesuaian adalah momentum kepada transformasi pembangunan belia bagi memastikan kesinambungan potensi yang ada pada belia mampu dikembangkan seterusnya mampu untuk menyumbang kepada negara sepertimana dalam Rajah 3:

Rajah 3: Implikasi kepada Praktis Pembangunan Belia Malaysia



PENUTUP

Usaha untuk mendekati dan melibatkan golongan belia bersama-sama masyarakat adalah penting bagi mencari sesuatu kaedah atau resolusi dalam menangani masalah ini di peringkat awal. Ini adalah penting kerana rakan, keluarga dan masyarakat adalah individu atau kelompok yang rapat di sekeliling dengan belia berisiko terbabit. Pendekatan yang dikemukakan tersebut adalah diperlukan bagi menangani permasalahan ini dari terus berlarutan. Aktiviti khusus kepada Mat Rempit yang berorientasikan kepada aktiviti berkumpul bersama-sama masyarakat yang mampu untuk menarik golongan belia lain untuk turut sama terlibat, sekaligus dapat mengurangkan aktiviti belia yang tidak berfaedah. Sekiranya tidak ditangani secara berkesan, masalah ini akan berterusan kerana aktiviti ini mempunyai pengikut baru di kalangan pelapis muda seterusnya. Sekiranya pendekatan yang bersesuaian kepada golongan ini dapat dilaksanakan, secara tidak langsung golongan belia dapat menghindari gejala sosial dan aktiviti yang tidak berfaedah, sekaligus mencerminkan pontensi belia sebagai rakan utama yang memacu kemajuan negara pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Archwamety, T., & Katsiyannis, A. 1998. Factors related to recidivism among delinquent females at a state correctional facility. *Journal of Child and Family Studies*. 7(1): 59-67.
- Ashiq Ali Shah. 2004. Self-religiosity, father's attitude and religious education in the moral behaviour of adolescents. *Psychology Developing Societies*. 16(2): 187-207.
- Asmawati Desa., & Fatimah Yusoff. 2005. Profil penagih dadah golongan belia wanita: Satu kajian preliminari. Dalam *Realiti Generasi Muda: Melangkah Ke hadapan*, ed. Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Abdullah, dan Rozmi Ismail, pp. 71-80. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Azaman Ahmad., & Saedah Ghani. 2005. Kefungsian keluarga: Hubungannya dengan konsep sendiri dan risiko kepada penagihan semula dadah di kalangan penagih dadah remaja. Dalam *Realiti*

- Generasi Muda: Melangkah Kehadapan*, ed. Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Abdullah, dan Rozmi Ismail, pp. 220-229. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Azimi Hamzah., Turiman Suandi., & Ezhar Tamam. 2002. *Persatuan belia di Malaysia: Perkembangan & penyerlahan potensi*. Serdang, Selangor: Unit Pengajian Pembangunan Belia, Universiti Putra Malaysia.
- Bartollas, C. 1997. *Juvenile delinquency* (4th ed.). Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Berita Harian, 2009. 11 Mei.
- Brake, M. 1985. *Comparative youth culture: The sociology of youth culture and youth subcultures in America, Britain and Canada*. New York: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. 1998. *Qualitative research in education: An introduction to theory and methods* (3rd ed.). Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Chen, Y., Arlene, R. S., Cheng, L., & Dore, P. 1997. Mental health, social environment and sexual risk behaviours of adolescent service users: A gender comparison. *Journal of Child and Family Studies*. 6(1): 9-25.
- Creswell, J. W. 1998. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (eds). 2005. *The sage handbook of qualitative research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Edginton, C. R., Hudson, S. D., Dieser, R. B., & Edginton, S. R. 2004. *Leisure programming: A service-centered and benefits approach* (4th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Gelder, K. 2007. *Subcultures cultural histories and social practice*. Oxon: Routledge.
- Guba, E. G., & Lincoln, Y. 1981. *Effective evaluation: Improving the usefulness of evaluation results through responsive and naturalistic approaches*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Hall, S., & Jefferson, T. 2006. *Resistance through rituals: Youth subcultures in post-war Britain* (2nd ed.). Oxon: Routledge.
- Haynie, D. L., & Piquero, A. R. 2006. Pubertal development and physical victimization in adolescence. *Journal of Research in Crime and Delinquency*. 43(1): 3-35

- Hebdige, D. 1979. *Subculture the meaning of style*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Holstein, J. A., & Gubrium, J. F. 1995. *The active interview*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Ismi Arif Ismail., Mohd Mursyid Arshad., Turiman Suandi., & Steven Eric Krauss. 2009. *Educate of Youth Illegal Racers as a Partner for National Building: Reality or Rhetoric?* Paper presented at the meeting of Educational Research and Human Resource Development Seminar, Serdang. December 2009.
- Janesick, V. J. 2000. *The choreography of qualitative research design: Minutes, improvisation and crystallization, handbook of qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Jas Laile Suzana. 2002. *Psikologi perkembangan: Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jessor, R., Turbin, M. S., Costa, F. M., Dong, Q., Zhang, H., & Wang, C. 2003. Adolescent problem behavior in china and the united states: A cross-national study of psychosocial protective factors. *Journal of Research on Adolescence*. 13(3): 329–360.
- Kehily, M. J. 2007. *Understanding youth: Perspectives, identities and practices*. London: Sage Publications.
- Leigh, A. 1995. Youth and street racing. *Current Issues in Criminal Justice*. 7(3): 1-8.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. 1985. *Naturalistic enquiry*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Marsch, P., Allen, J. P., McFarland, F. C., McEllhany, K. B., & Land, D. 2003. Attachment, autonomy, and multifinality in adolescent internalizing and risky behavioral symptoms. *Development and Psychopathology*. 12: 451-467.
- Martin, D., & Martin, M. 2000. Understanding dysfunctional and functional family behaviours for the at-risk adolescent. *Adolescence*. 35(140): 785-791.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Miles, M. B., & Huberman, M. A. 1994. *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mohd Mursyid Arshad., Ismi Arif Ismail., Steven Eric Krauss., & Turiman Suandi. 2009. *Understanding The Illegal Racing Phenomenon as Foundation of Malaysian Youth Development*. Paper presented at the

- meeting of Educational Research and Human Resource Development Seminar, Serdang. December 2009.
- Mohd Mursyid Arshad. 2010. *Pemahaman Proses Sosialisasi 'Mat Rempit' Dalam Kalangan Belia Di Utara Malaysia*. Master Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Moustakas, C. 1994. *Phenomenological research methods*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Morgan, D. L. 1997. *Focus groups as qualitative research* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim, Selangor: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative research & evaluation methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Patton, M. Q. 2002. *Qualitative research & evaluation methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Plummer, D. 2001. *Helping children to build self esteem*. London: Jessica Kingsley Publisher Ltd.
- Rokiah Ismail. 2004. *Sub-budaya muzik rock bawah tanah di kalangan remaja bandar*. *Akademika*. 64: 97-131.
- Rozmi Ismail. 2005. Remaja dan lumba motorsikal haram. Dalam *Realiti Generasi Muda: Melangkah Kehadapan*, ed. Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Abdullah, dan Rozmi Ismail, pp. 315-325. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Rozmi Ismail, & Norhayati Ibrahim. 2007. *Faktor-faktor yang mempengaruhi keterlibatan remaja dalam perlumbaan motorsikal haram dan hubungannya dalam jenis personaliti, sokongan sosial dan coping skills*. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Samsudin A. Rahim. 2007. *Generasi belia: Satu cetusan pandangan*. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Sharifah M. Noor., Turiman Suandi., Samsilah Roslan., Haslinda Abdullah., Mohd Mursyid Arshad., Ismi Arif Ismail., & Rahil Mahyuddin. 2010. *Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di Felda*. Paper presented at the meeting of Fundamental Research Grant Scheme Seminar 2010, Shah Alam. May 2010.
- Strauss, A. L., & Corbin, J. 1990. *Basic qualitative research: Grounded theory, procedures and techniques*. Newbury Park, CA: Sage Publications.

The Star, 2009. 27 Januari.

Villaruel, F. A., Perkins, D. F., Borden, L. M., & Keith, J. G. 2003. *Community youth development: Programs, policies and practices*. Thousand Oaks: Sage Publications Inc.

Warr, M. 1993. Parents, peers, and delinquency. *Social Forces*. 72(1): 247-264.

Williams, A. F. 2003. Teenage drivers: Patterns of risk. *Journal of Safety Research*. 34: 5-15.

Yahya Don. 2009. *Gang rempit dan penyalahgunaan dadah: Pengaruhnya dari aspek psikososial dan institusi pendidikan*. Putrajaya: Jurnal yang tidak diterbitkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

PROFIL PENULIS

Mohd Mursyid Arshad, MSc.

Tutor

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor
m_mursyid@putra.upm.edu.my

Ismi Arif Ismail, PhD

Pensyarah Kanan/Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor
ismi@putra.upm.edu.my

Turiman Suandi, PhD

Profesor

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor
tj@putra.upm.edu.my

Steven Eric Krauss, PhD

Profesor Madya/Felo Penyelidik
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor
abd_lateef@hotmail.com